

21/01/1998

Golongan kaya wajar berkorban

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

DI KOREA, Indonesia dan Thailand rakyat diajak menderma barang kemas kepada kerajaan bagi membantu mengurangkan kesan kejatuhan nilai mata wang dan kegawatan ekonomi.

Di Malaysia, buat pertama kali kelmarin kerajaan mengajak rakyat memberikan sumbangan untuk menambah tabungan kerana negara sedang menghadapi kekurangan wang.

Tetapi ia berbeza dengan di tiga negara berkenaan, rakyat Malaysia disaran menjual barang kemas dan wangnya digunakan untuk tabungan persendirian yang sekali gus menambah jumlah tabungan negara.

Saranan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada majlis berbuka puasa di Langkawi kelmarin.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan tidak meminta rakyat menderma. Apa yang diminta ialah menambah tabungan sama ada di bank atau tabung amanah.

Salah satu caranya ialah dengan menjual barang kemas dan wang hasil jualan disimpan, tetapi bukan bawah bantal atau tilam, tetapi di institusi kewangan.

Beliau turut menyarankan bahawa adalah lebih baik jika barang kemas dijual di luar negara dan membawa masuk mata wang asing ke negara kita.

Sambil menjelaskan bahawa idea itu mungkin tidak dipersetujui golongan wanita yang barang kemas seolah-olah sudah sehati dengan jiwa mereka, Dr Mahathir meminta mereka supaya berkorban demi negara.

Persoalannya sekarang sama ada rakyat, khususnya golongan wanita sanggup berkorban untuk kepentingan negara dengan menjual barang kemas mereka dan menabung hasilnya.

Kita mungkin boleh menimbang saranan itu kerana kita bukan diminta menderma seperti di Thailand, Korea dan Indonesia.

Tetapi, mungkin ramai yang tidak mahu berbuat demikian kerana harga barang kemas yang akan dijual tentu jauh lebih rendah berbanding harga belian akibat susut nilai.

Selain itu, jika kesesakan wang mereka boleh ke pajak gadai sah atau haram untuk mendapatkan tunai segera. Jika ke pajak gadai haram mungkin wang tunai yang diperolehi lebih lumayan.

Jika dijual dan wang disimpan dalam simpanan tetap atau tabung amanah mereka mungkin sukar untuk mengeluarkannya segera.

Justeru, kita berpendapat saranan Perdana Menteri perlu disahut oleh mereka yang kaya raya dan memiliki simpanan banyak barang kemas.

Pengorbanan ketika ini bukannya terletak pada bahu semua rakyat kerana golongan miskin dan berpendapatan sederhana memang telah lama berkorban dengan bekerja keras melebihi kudrat demi anak dan keluarga.

Yang perlu berkorban ialah golongan kaya raya kerana pengorbanan mereka dengan menderma kepada kerajaan dan menambah tabungan bukan saja bakal memulihkan ekonomi negara malah memulihkan perniagaan mereka sendiri.

Adalah tidak adil jika rakyat miskin yang perlu berkorban dan faedahnya dinikmati golongan kaya manakala yang miskin terus daif tanpa diberi perhatian atau ucapan terima kasih.

(END)